



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

26 MEI 2022 (KHAMIS)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

26 MEI 2022 (KHAMIS)

Jualan Keluarga Malaysia catat RM54.54j

Putrajaya: Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) dilancarkan sejak 2 Disember lalu merekodkan hasil jualan mencecah RM54.54 juta.

Menyatakan di sini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata sejak ia dilaksanakan, PJKM terus mendapat sambutan pelbagai pihak dan sehingga kini, program berkenaan menerima 2,796 juta pengunjung.

"PJKM yang menjadi antara usaha kerajaan membantu meringankan beban serta kos sara hidup rakyat juga berjaya dilaksanakan di semua 222 kawasan Parlimen seluruh negara meliputi 1,702 lokasi iaitu tujuh lokasi bagi setiap kawasan Parlimen.

"Sepanjang pelaksanaan PJKM, pelbagai barang keperluan harian dijual dengan harga istimewa sehingga 20 peratus lebih murah berbanding harga pasaran setempat.

"Antara yang menjadi tumpuan adalah ayam segar, telur ayam, minyak masak, gula, tepung dan sayur-sayuran," katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam pada itu, Alexander mengingatkan peniaga sentiasa beretika mematuhi peraturan dan undang-undang ditetapkan kerajaan, malah rakyat perlu bersabar dan terus bersama kerajaan dalam waktu sukar ini yang turut melanda dunia serta memberi kesan kepada rantai bekalan makanan global dan negara.

"Seramai 2,200 pegawai penguat kuasa dan 1,000 pegawai pemantau harga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) seluruh negara akan terus melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan bagi memastikan bekalan sentiasa stabil dan tidak berlaku elemen pencatutan terhadap barang keperluan harian dalam pasaran," katanya.

Dapat sambutan 2.8 juta pengunjung di 1,702 lokasi

Jualan Keluarga Malaysia cecah RM54j

Oleh KAMARIAH KHALIDI

PUTRAJAYA – Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) merekodkan jumlah jualan mencecah RM54.5 juta dengan seramai 2.8 juta pengunjung dicatatkan sejak Jumaat lalu.

Menurut Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, PJKM yang dilaksanakan di semua 222 Parlimen di seluruh negara itu meliputi 1,702 lokasi dengan purata tujuh lokasi di setiap kawasan.

"Perancangan awal pelaksanaan PJKM adalah hanya sehingga 31 Mac sahaja. Bagaimanapun, atas permintaan ramai, Perdana Menteri telah bersetuju supaya pelaksanaan PJKM dilanjutkan sehingga Jun depan.

"PJKM yang merupakan salah satu usaha kerajaan dalam membantu meringankan beban kos sara hidup rakyat telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada orang ramai," katanya dalam kenyataan semalam.

Tambah Alexander, sepanjang pelaksanaan PJKM, pelbagai barang keperluan harian dijual dengan harga istimewa sehingga 20 peratus lebih murah berbanding harga pasaran setempat antaranya ayam segar, telur ayam, minyak masak, gula, tepung dan sayur-sayuran.



ORANG ramai membeli barang keperluan semasa PJKM di Perumahan PAKR Batu Hampar, Kuala Nerus pada Februari lalu.

Jelasnya, secara keseluruhan, seramai 240 rakan strategik terlibat dalam menjayakan PJKM yang terdiri daripada pemain industri peruncitan iaitu pasar raya besar, pasar raya, pembekal serta pemborong.

Dalam pada itu, beliau berkata, KPDNHEP ingin mengingatkan kepada semua peniaga agar

sentiasa beretika, mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan kerajaan.

"Kerajaan turut menyeru agar rakyat bersabar dan terus bersama kerajaan dalam waktu sukar ini yang turut melanda dunia dan memberi kesan kepada rantai bekalan makanan global dan negara," tambahnya.

Program Jualan Keluarga Malaysia rekod jualan cecah RM54 juta

PUTRAJAYA - Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) berjaya dilaksanakan di semua 222 kawasan Parlimen seluruh negara termasuk kawasan pembangkang yang meliputi 1,702 lokasi dengan purata tujuh lokasi setiap kawasan Parlimen.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, seramai 2.796 juta pengunjung mengunjungi program itu dengan rekod hasil jualan mencecah RM54.548 juta sejak ia dilancarkan pada 2 Disember lepas.

Nanta berkata, sepanjang program itu, pelbagai barang keperluan harian dijual pada harga istimewa sehingga 20 peratus lebih murah berbanding harga pasaran se tempat dan yang menjadi tumpuan ialah ayam segar, telur ayam, minyak masak, gula, tepung serta sayur-sayuran.

"Perancangan awal pelaksanaan PJKM adalah sehingga 31 Mac sahaja,

bagaimanapun atas permintaan ramai, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ber-setuju supaya PJKM dilanjutkan sehingga Jun 2022," kata-nya dalam kenyataan di sini pada Rabu.

Nanta berkata, PJKM merupakan usaha kerajaan membantu meringankan beban kos sara hidup rakyat dan mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai.

Ia dilaksanakan dengan sokongan dan kerjasama daripada Kementerian Kewangan, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Pertubuhan Peladang Kebangsaaan (Nafas), Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) dan Lembaga Pertubuhan Peladang.

Ia turut disokong 240 rakan strategik daripada pemain industri peruncitan terdiri daripada pasar raya besar, pasar raya, pembekal dan pemborong. - Bernama



Program Jualan Keluarga Malaysia menawarkan barang keperluan harian yang dijual pada harga istimewa untuk pengunjung.

Chicken supply back to normal in Negri

SEREMBAN: The supply of chicken in Negri Sembilan has stabilised, says state consumerism committee chairman S. Veerapan.

He said there were only one or two areas still facing a short supply but overall, the situation was back to normal.

"We have been conducting regular checks at the wholesale and retail levels as well as markets and found that there is enough chicken supply."

"The authorities have also not received any complaints of traders hiking up prices," he said after visiting a hypermarket here.

Asked what had caused the recent shortage of chicken, Veerapan said Hari Raya open houses could be one of the reasons.

He said checks by enforcement officers from the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry showed there was no hoarding.

"We hope the public will report to us if they face a supply shortage or a sudden price hike in their areas."

"There should be no reason for this as we have many chicken farms in the state," he said, adding that chickens were also brought in from Selangor.

Pro dan kontra henti eksport ayam

KEPUTUSAN drastik kerajaan menghentikan eksport ayam mulai Jun ini membolehkan kekurangan bekalan ayam di pasaran tempatan dipulihkan.

Ia berikutnya setiap bulan negara mengeksport sekitar 3.6 juta ekor ayam ke luar negara.

Walaupun langkah kerajaan itu kurang digemari pihak industri, selain dikritik beberapa pihak yang menyifatkan ia sebagai langkah tergesa-gesa, namun keputusan perlu diambil memandangkan situasi ketika ini benar-benar membebankan rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ketetapan tersebut adalah antara beberapa langkah jangka pendek yang diputuskan oleh mesyuarat kabinet pada Isnin lalu bagi menangani masalah bekalan dan harga ayam.

Selain itu, Ismail Sabri menjelaskan bahawa kerajaan akan mewujudkan stok penimbang ayam dan mengoptimumkan fasiliti penyimpanan bilik sejuk sedia ada milik Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Turut digariskan adalah pemansuhan permit import (AP) ayam termasuk ayam bulat dan keratan ayam, mempermudahkan proses tuntutan subsidi oleh pengeluar ayam dan menambah serta mengiktiraf loji sembelihan ayam di luar negara.

Apa pun, langkah menghentikan eksport ayam dan pemansuhan AP bukanlah langkah penyelesaian yang sebenar.

Malah, pemansuhan AP untuk import ayam bulat dijangka kurang mendapat sambutan kerana sebab yang sama iaitu harga ayam global lebih mahal.

Demi menyelesaikan kekurangan bekalan ayam, pihak kerajaan seharusnya memahami masalah sebenar dan berusaha membantu golongan penternak tempatan mencari penyelesaian menang-menang.

Sementara itu, pada Selasa, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi telah menenangkan pemain-pemain industri yang kecewa dengan keputusan larangan eksport ayam berkenaan.

Beliau memberitahu larangan eksport ayam bukan langkah jangka panjang, sebaliknya ia akan dibenarkan semula selepas keadaan bekalan negara kembali pulih.



ORANG ramai beralih kepada membeli ikan di Pasar Seksyen 14, Petaling Jaya semalam selepas bekalan ayam sukar diperoleh sejak akhir-akhir ini.



PEMBELI dan peniaga Pasar Moden Seksyen 16, Shah Alam menunjukkan ikan siakap dan tenggiri yang naik harga selepas hari raya Aidilfitri.

Berikutnya orang ramai beralih makan ikan sebab ayam kurang bekalan

Kenaikan harga siakap hingga RM6

PETALING JAYA – Selepas ayam sukar dibeli disebabkan kekurangan bekalan dan harganya pula naik mencecah RM12 sekilogram, harga ikan pula didakwa tidak stabil apabila naik sehingga RM6 mengikut jenis.

Kekurangan bekalan ayam ketika ini menyebabkan permintaan tinggi terhadap ikan, sekali gus harganya turut melambung.

Namun di sesetengah negeri kenaikan harga ikan tidak ketara, tetapi tetap naik sehingga mere-sahkan pembeli.

Di Selangor, seorang peniaga pasar moden Seksyen 16, Shah

Alam yang mahu dikenali Ujang, 45, berkata, kenaikan harga mendadak itu mula berlaku selepas Aidilfitri lalu.

Katanya, harga ikan yang didapati paling ketara meningkat adalah ikan siakap dan tenggiri dengan perbezaan antara RM3 hingga RM6 mengikut jenis.

"Ikan siakap sebelum raya harganya RM18.50 sekilogram (kg) naik sampai RM24 sekilogram. Ikan tenggiri cecah RM11 berbanding RM8 sebelum ini," ujarnya.

Sementara itu, seorang peniaga lain, Azmi Sahamin, 53, memberitahu, peningkatan harga itu

mungkin dipengaruhi apabila ramai pengguna beralih kepada ikan sebagai pengganti ayam.

"Masa hari raya ramai makan daging dan ayam. Selepas raya, ramai yang bertukar selera selain susah untuk beli ayam," ujarnya.

Di Pasar Seksyen 14, Petaling Jaya pula didapati harga ikan tidak stabil dan turut berlaku kenaikan harga.

Seorang pelanggan, Amir Imran, 27, berkata, ikan-ikan yang biasa dibeli cepat habis di pasar ketika ini disebabkan ayam tiada stok dan semua orang beralih membeli ikan.

"Saya datang ke pasar lewat hari ini, ikan seperti kembung, selar kuning dan bawal sudah habis."

"Walaupun ikan kembung berharga RM15 hingga RM18, saya nampak orang ramai tetap bell," ujarnya.

Di Pulau Pinang, peniaga ikan di Pasar Awam Bagan Ajam, Butterworth di sini, Teh Teik Hwa, 56, berkata, kenaikan harga ikan siakap untuk satu kilogram ialah RM22 iaitu naik RM2 sebelumnya.

"Memang berlaku kenaikan tapi tidak terlalu ketara macam RM1 ke RM2 sahaja. Contohnya ikan bawal emas pun sama. Ka-

lau sebelum ini kita jual RM26 untuk 1kg, tapi sekarang RM28," jelasnya.

Seorang lagi peniaga ikan Mohd Yusof Abdul Razak, 20, berkata, kenaikan harga ikan adalah melibatkan ikan potong yang bersaiz besar termasuk ikan nyok nyok dan juga siakap sekitar RM4 hingga RM5 bagi 1kg.

"Sebelum ini harga ikan siakap dijual pada harga sekitar RM30 hingga RM32 1kg, sekarang RM38. Meskipun begitu pelanggan tetap puas hati sebab ikan yang dibeli adalah berkualiti dan kena pada harga," katanya.

HARI : **KHAMIS**
TARIKH : **26/05/2022**
M/SURAT : **16**



• Ayam	RM8.90	• Telur Gred A	RM12.50	• Gula Pasir	RM2.85	• Cili Merah	RM11.90
• Daging Lembu Tempatan	RM36	• Ikan Kembung	RM10.90	• Bawang Besar Holland	RM2.50	• Kubis Bulat Tempatan	RM4
• Daging Lembu Import	RM28	• Minyak Masak	RM6.50	• Bawang Putih	RM4.99	• Tepung Gandum	RM2.30

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

HARI : KHAMIS
TARIKH : 26/05/2022
M/SURAT : 1

	New fuel prices May 26 – June 1
RON95	RM2.05 (unchanged)
RON97	RM4.70 (+37 sen)
DIESEL	RM2.15 (unchanged)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (AGENSI KPDNHEP)

26 MEI 2022 (KHAMIS)

Pindaan Akta Persaingan 2010 (Akta 712)

Kekang monopoli, perkasa MyCC

- MyCC kesan kecenderungan industri melakukan penggabungan atau pengambilalihan untuk tujuan monopoli, kurangkan persaingan
- Pengguna terpaksa hadapi kenaikan harga barang, kekurangan pilihan produk atau perkhidmatan
- Pindaan Akta 712 akan bantu MyCC pantau amalan antipersaingan dalam pasaran ekonomi digital

Eksklusif

Senarai hitam kartel bida tender

- MyCC syor syarikat langgar akta, terbabit dalam kartel bida tender kerajaan disenarai hitam

- Siasat lebih 500 syarikat disyaki tipu bidaan tender bernilai kira-kira RM2 bilion

Nasional 5



MyCC kesan firma gabung punca monopoli pasaran

Kerajaan cadang pinda Akta 712 usaha tangani antipersaingan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mengesas wujud kecenderungan dalam kalangan peserta industri di negara ini untuk melakukan penggabungan atau pengambilalihan, yang boleh menyebabkan monopoli dan mengurangkan persaingan dalam pasaran.

Antara industri yang dikesan yang sudah melalui penggabungan itu, termasuk dalam sektor pengangkutan, perkhidmatan seperti kurier, bahan binaan seperti simen, peruncitan dan pembuatan makanan yang menimbulkan kegusaran kepada pengguna serta peserta kecil dan segerhana di dalam industri sama.

Akibat daripada kesan monopoli dan kekurangan persaingan adalah kenaikan harga barang dan pengurangan pilihan produk atau perkhidmatan untuk pengguna.

Berikutan itu, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail, berkata kerajaan bercadang memindahkan Akta Persaingan 2010 (Akta 712) untuk memperkuat kuasa MyCC bagi mengawal penggabungan dan pengambilalihan yang boleh mengurangkan

persaingan secara substantial dalam usaha menangani amalan antipersaingan dalam pasaran negara ini.

Beliau berkata, melalui rejim baharu itu kelak, mana-mana peserta industri yang ingin membuat penggabungan atau pengambilalihan perlu memohon kebenaran MyCC.

"MyCC akan meneliti secara mendalam sama ada langkah terabit akan menjelaskan persaingan pasaran atau sebaliknya.

"Kita akui beberapa penggabungan yang sudah berlaku di negara ini ada yang menimbulkan isu persaingan di dalam pasaran. Walau bagaimanapun, buat masa ini MyCC tidak mempunyai kuasa untuk mengawal tindakan itu.

"Jadi, pindaan ini perlu bagi menjaga kepentingan pengguna dan untuk memastikan ekonomi negara sentiasa bertumbuh dengan rancak dipenuhi dengan persaingan sihat," katanya kepada BH.

Beliau berkata, cadangan pindaan dalam Akta 712 terbahagi kepada dua kategori besar iaitu untuk memperkenalkan rejim kawalan penggabungan yang boleh mengurangkan persaingan secara substantial.

Selain itu, katanya, peruntukan berkaitan dengan siasatan, penguatkuasaan dan peruntukan rayuan juga akan ditambah baik untuk menjadi lebih komprehensif serta menjadikan penguatkuasaan perundangan berkaitan persaingan menjadi lebih efektif.

"Ini bermakna kuasa untuk mengawal penggabungan serta kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan dapat berjalan seiring tanpa konflik dengan objektif menggalakkan persaingan dalam pasaran," katanya.

Iskandar berkata, MyCC sudah mendapat kelulusan daripada Jemaah Menteri untuk pindaan Akta 712 dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713) pada akhir 2021 dan draf Rang Undang-Undang itu dijangka dibentangkan

di Parlimen akhir tahun ini.

Beliau berkata, pindaan kepada Akta 712 dan Akta 713 bertujuan untuk menambah baik peruntukan sedia ada dan memasukkan peruntukan baharu.

"Pindaan kepada Akta 712 juga akan membantu MyCC memantau amalan antipersaingan dalam pasaran ekonomi digital, dengan memperkenalkan dan mentakrifkan konsep baharu yang berkaitan serta pendekatan baharu dalam mengawasi amalan-amalan baru dalam ekonomi digital supaya ia sesuai dan tidak bertentangan dengan intipati persaingan dalam pasaran.

"Di seluruh dunia, banyak penggabungan berlaku membabitkan peserta besar dalam pasaran ekonomi digital seperti Amazon, Google dan Facebook.

"Mereka hadir di pasaran Malaysia tetapi setakat ini tiada undang-undang jelas berhubung penggabungan syarikat serta penguatkuasaan komprehensif untuk mengawasi tindakapan ekonomi mereka.

"Kita tidak mahu ini menyebabkan mereka bertambah dominan atau terus menjadi monopoli tanpa ada apa-apa kawalan dan menjelaskan peserta tempatan," katanya.

MyCC ditubuhkan pada 1 April 2011 untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010 dengan fungsi utamanya adalah melindungi proses persaingan dalam pasaran komersial demi kebaikan perniagaan dan pengguna serta ekonomi secara keseluruhan.

Jadi, pindaan ini perlu bagi menjaga kepentingan pengguna dan untuk memastikan ekonomi negara sentiasa bertumbuh dengan rancak dipenuhi dengan persaingan sihat

Iskandar Ismail,
Ketua Pegawai Eksekutif MyCC



Syor ‘haram’ syarikat babit kartel bida tender

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mengesyorkan mana-mana syarikat didapati melanggar Akta Persaingan 2010 atau dibuktikan terbabit dalam kartel untuk membida tender kerajaan disenaraikan.

Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail, berkata syor itu bagi ‘mengharamkan’ syarikat yang didapati bersalah bersekongkol membentuk kartel untuk mendapatkan tender kerajaan daripada membida tender pada masa depan.

“Kita akan mengesyorkan kepada kerajaan atau mana-mana syarikat yang mengeluarkan tender menyenaraikan syarikat yang melakukan kesalahan persaingan atau terbabit dalam kartel supaya mereka tidak lagi

terbabit dalam tender produk atau perkhidmatan pada masa depan, termasuk tender kerajaan,” katanya kepada *BH*.

Beliau berkata, jika proses tender sudah dilakukan, MyCC juga akan mencadang tender itu dibuat semula dengan hanya mempelawa syarikat yang dibenarkan sahaja demi menjaga kepentingan perbelanjaan kerajaan.

Sebelum ini, MyCC mengesahkan sedang menyalasat lebih 500 syarikat yang disyaki membuat penipuan dalam bidaan membabitkan tender dengan nilai keseluruhan kira-kira RM2 bilion.

Mengulas perkembangan siasatan itu, Iskandar berkata, ia menjadi keutamaan MyCC dan siasatan masih diteruskan.

Katanya, MyCC bekerjasama rapat dengan kerajaan dan agen-

sinya untuk meningkatkan ketelusan dan akauntabiliti dalam proses tender awam, bagi membanteras penipuan bidaan dan menghapuskan pembaziran perbelanjaan awam.

Beliau berkata, modus operandi mereka yang terbabit dalam penipuan bida ini adalah dengan menubuhkan *shell company* (syarikat tidak aktif) untuk membida tender awam dan selalunya ia dikawal individu yang memiliki hampir semua syarikat yang turut mengambil bahagian dalam bidaan yang sama.

“Amalan ini mewujudkan ilusi bidaan kompetitif oleh beberapa syarikat.

“Syarikat terbabit dalam penipuan bidaan ini juga membuat persetujuan sesama mereka terlebih dulu mengenai siapa pe-

menang bidaan serta nilai bidaan.

“Ada juga syarikat yang akan menghantar bidaan menawarkan harga terlalu tinggi yang mereka tahu tidak mungkin diterima, atau mereka menarik balik bidaan pada saat akhir untuk membiarkan pemenang yang mereka sudah pilih tinggal dalam bidaan, atau tidak langsung menyertai bidaan supaya syarikat yang sudah ditentukan terpilih memenangi pembidaan.

“Pemenang bidaan itu mungkin akan memberi ganjaran kepada mereka yang bersekongkol melalui pemberian kontrak kecil atau melalui ganjaran lain, malah syarikat terbabit juga mungkin bergilir untuk memenangi bidaan lain selepas itu,” katanya.